



KENYATAAN SEBUTHARGA

NO. SEBUTHARGA :KTG/SH/ 10 /2019

1. Kontraktor-kontraktor berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah kod bidang **221001** (Pembersihan Bangunan & Pejabat), **221002** (Membersih Kawasan) dan **221003** (Mengangkat Sampah) serta masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai sebutharga di bawah ini :-

KERJA-KERJA MENYELENGGARA KAWASAN DAN BANGUNAN LOJI AIR KEPONG 2, DAN KERJA-KERJA MENCUCI TANGKI PEMENDAPAN, PENAPIS DAN ALUR AIR MENDAP SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI LOJI AIR KEPONG 2, KUALA TERENGGANU BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

2. Borang sebutharga boleh didapati di **Bahagian Pentadbiran Daerah SATU Kuala Terengganu**, Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd., Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu mulai dari **16/12/2018** hingga **26/12/2018** semasa waktu pejabat.
3. Kontraktor yang ingin menyertai sebutharga di atas atau wakilnya yang diberikuasa hendaklah membawa sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan satu (1) salinan sijil berkenaan sertahendaklah menyediakan bayaran sebanyak **RM20.00** dalam bentuk Wang tunai.
4. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan kedalam Peti Sebutharga/tawaran di **Pejabat Pengurus SATU Kuala Terengganu** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **27/12/2018 (Khamis)**.
5. Syarikat berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak lengkap dan syarikat juga adalah tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana sebutharga sekali pun.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(EN. FAKROL ANUA BIN TALIB)
Pengurus Loji Rawatan Air Kepong 2
Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
Kuala Terengganu